



LAPORAN TAHUNAN 2016

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-21

Tarikh	: 17 Jun 2016 (Jumaat)	
Masa	: 4.45 petang – 6.30 petang	
Tempat	: PWTC, Kuala Lumpur	
Kehadiran	: YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi En. Izham Hakimi Dato' Hamdi En. Mohamad Shukri Salleh YBhg. Dato Zahriah Abd Kadir En. Fauzi Awang En. Rozaiman Che Kar YBhg. Dr. Mokhrazinim Mokhtar YBhg. Datuk Radzali Hassan En. Afkar Razi Mohamed @ Ariffin Prof Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman En. Khairuddin Yahya En. Nurhasril Noordin En. Wan Arjunawan Wan Halim En. Zamani Zakaria	<i>Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Setiausaha Agung</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Bendahari Agung</i> <i>Penolong Bendahari</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>

44 perwakilan Ahli Biasa, 9 perwakilan Ahli Bersekutu, 16 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis	: YBhg. Dato' Sri Dr. Richard Ong Thiam Boon YBhg. Dato' Dr Manjit Singh Sachdev En. Azmir Jaafar En. Christopher Tay	<i>Naib Pengerusi</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i> <i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
---------------------------------	--	---

Pengerusi : YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi

1.1 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

- 1.2 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 21.
- 1.3 En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 20

YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-21.

En. Nurhasril Noordin dari Murni Allianze Consult Sdn Bhd mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-20 diterima dan disokong oleh En. Wan Arjunawan B. Wan Halim dari Arjuna Food Management.

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2015

En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2015 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 3.1 Mesyuarat dimaklumkan Mesyuarat Agung tahun 2015 telah diadakan pada 23 Jun 2015 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Pada Mesyuarat ini telah berlansung pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2015-2017. Selain itu, Penganugerahan Sijil Keahlian kepada 14 ahli baru juga telah dilaksanakan.
- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa jumlah keahlian pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak 313 ahli aktif yang terlibat dalam aktiviti anjuran MFA. Sepanjang tahun 2015, aktiviti-aktiviti keahlian yang dilaksanakan adalah seperti kunjungan hormat kepada 45 Ahli dan 12 Potensi Ahli, melaksanakan 4 program Coffee/Teh Tarik serta mempromosi ahli dan aktiviti anjuran ahli di media sosial MFA dan laman sesawang MFA.

- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa MFA telah menyertai jerayawara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke 8 lokasi iaitu Istanbul, Jakarta, Korea, Melbourne, Singapura, Surabaya, Sydney and Yangon manakala di peringkat kebangsaan ke Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak.
- 3.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA sentiasa bergiat aktif dalam World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) sejak tahun 1996 untuk menjalankan hubungan erat dengan persatuan francais di luar negara.
- 3.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa sepanjang tahun 2015, pelbagai berita mengenai MFA dan ahlinya telah disiarkan di media cetak dan elektronik serta media sosial bagi mempromosikan industri francais.
- 3.6 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah melaksanakan sebanyak 11 program latihan francais sepanjang tahun 2015 di mana 3 Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) dan 8 program Seminar Pendedahan dan Peluang Perniagaan Francais.
- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Francais Siswa (PFS) telah dilaksanakan pada tahun 2015 yang melibatkan para mahasiswa daripada 10 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ianya merupakan program anjuran bersama KPDNKK dan KPT.
- 3.8 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah melaksanakan program kerjasama dengan pelbagai organisasi yang dapat memberi manfaat kepada ahli. Antara organisasi yang terlibat adalah Credit Guarantee Corporation (CGC), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Prasarana (M) Berhad, Universiti Utara Malaysia, Giat MARA dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- 3.9 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah mendapat peruntukkan melalui Bajet 2015 bagi melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) selama 5 tahun (2016-2020). Program ini bertujuan untuk menggalakkan perniagaan francais untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara bagi membantu meningkatkan GDP negara. Terdapat 4 elemen dalam program ini iaitu Pembangunan Infrastruktur, Penyelidikan & Pendidikan, Pemasaran serta Bantuan Kewangan.
- 3.10 Mesyuarat dimaklumkan sepanjang tahun 2015, MFA telah dilaksanakan dengan jayanya Program Franchise International Malaysia pada bulan Jun 2015 dan Malam Anugerah Francais pada bulan November 2015.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kemajuan Tahunan 2015 tersebut.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

En Rozaiman Che Kar selaku Bendahari Agung telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 5.1 Mesyuarat dimaklumkan secara dasarnya, sumber kewangan MFA banyak dipengaruhi oleh pelaksanaan aktiviti sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Oleh itu jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada setiap tahun mempunyai perbezaan ketara dan tidak dapat dijangkakan. Tahun kewangan 2015 mencatatkan lebih pendapatan adalah sebanyak RM18 ribu berbanding RM33 ribu pada tahun 2014.
- 5.2 Mesyuarat dimaklumkan pendapatan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM3.450 juta berbanding RM4.050 juta pada 2014. Manakala jumlah perbelanjaan mencatatkan sebanyak RM4.017 juta pada tahun 2014 berbanding RM3.432 juta pada tahun 2015.
- 5.3 Mesyuarat dimaklumkan tunai dan persamaan tunai pada akhir tahun kewangan 2015 telah mencatatkan sebanyak RM2.789 juta berbanding RM1.181 juta pada tahun 2014.

YBhg Datuk Radzali Hassan dari Harta Maintenance Sdn Bhd, mencadangkan agar Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 diterima dan telah disokong oleh En. Nurhasril Noordin dari Murni Alliance Consult Sdn Bhd.

6.0 PEMILIHAN JURUAUDIT DALAMAN SESI 2016/2018

- 7.1 Jawatankuasa telah menerima 2 pencalonan untuk mengisi kekosongan 2 jawatan juruaudit dalaman iaitu En. Amran Abd Hamid daripada Resepi Arena Sdn Bhd dan En. Alias Ayob daripada HR Bestari Sdn Bhd. Sehubungan itu, kedua-dua colan telah menang tanpa bertanding.

8.0 MEMBINCANGKAN DAN MEMBENTANGKAN USUL

- 9.1 Mesyuarat bersetuju untuk meminda fasal 15(1) dan fasal pindaan adalah seperti berikut:

"Dua orang bukannya pegawai Pertubuhan boleh dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit Dalaman. Mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun *dan boleh dilantik semula dengan tempoh perlantikan tidak melebihi 6 tahun berturut-turut.*"

10.0 HAL-HAL LAIN

- 10.1 Mesyuarat meminta Jawatankuasa Kecil berkaitan untuk memberi perhatian terhadap pandangan daripada En. Mohd Azlan Mohd Jalaludeen daripada Mohd Yaseem Nasi Kandar, Penang agar membimbing Ahli Bersekutu untuk mereka menjadi Ahli Biasa dalam tempoh masa tertentu.

11.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 8.1 YBhg Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan oleh para ahli yang hadir. Terima kasih juga di atas pandangan dan cadangan yang diberikan untuk menambahbaik MFA pada masa hadapan. YBhg Datuk Pengerusi menyatakan bahawa MFA sentiasa mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada para ahli untuk kebaikan bersama.
- 8.2 En. Izham Hakimi Bin Dato' Hamdi menjelaskan bahawa MFA sentiasa mengadakan aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli di samping mempromosikan industri francais kepada orang awam. Selain itu, En. Izham Hakimi juga mengucapkan selamat datang kepada ahli baru.
- 8.3 YBhg Datuk Pengerusi telah menanggungkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-20 pada jam 6.30 petang dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

.....
(FATIN NUR'ATIKAH ABD LATIP)

.....
(NABILA SYAFIFI ROSSLAN)

Tarikh: 18 Julai 2016

Disahkan benar oleh:

.....
(DATUK WIRA MOHD LATIP SARRUGI)
Pengerusi

.....
(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)
Setiausaha Agung

Tarikh:

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-21**

AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1	Arjuna Food Management	Encik Wan Arjunawan Wan Halim	OFO-0513-06-F&B
2	Ayam Penyet Api Sdn Bhd	Encik Reza Hilawady	OFO-0312-04-F&B
3	Bolton Optical Sdn Bhd	Encik Sim Ken John	OFO-2511-03-RET
4	Borneo Oil Berhad	Encik Sri Ganesh	OFO-0795-05-F&B
5	EV World Hotel Management Sdn Bhd	Cik Khoo Peng Yong	OFO-0416-01-SVC
6	FAMA Corporation Sdn Bhd	Encik Mohd Nazri Md Akim	OFO-0416-02-F&B
7	Focus Point Management Sdn Bhd	Encik Tham Chee Hoong	OFO-0702-03-RET
8	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd	Cik Ishatol Mardziah	OFO-0511-01-SVC
9	Hailam Kopitiam Sdn Bhd	Encik Goh Kok Ang	OFO-0416-03-F&B
10	Harta Maintenance Sdn Bhd	YBhg. Datuk Radzali Hassan	OFO-0313-01-SVC
11	King's Confectionery Sdn Bhd	Puan Noor Fadhilah Shaharudin	OFO-0312-08-F&B
12	Kluang Station F&B SDN BHD	Encik J. Selva Kumar	OFO-0316-01- F&B
13	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Puan Wan Jasmira Wan Ibrahim	OFO-0100-01-F&B
14	Menara Optometry Centre Sdn Bhd	Encik Sazly Abdul Rahman	OFO-0311-02-RET
15	Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd	Encik Haizam Idris	OFO-0513-05-SVC
16	Permodalan Kelantan Berhad	Encik Ramilan Abd Rahman	OFO-1214-02-SVC
17	Qubah Emas Resources Sdn Bhd	Encik Zamani Zakaria	OFO-0414-03-SVC
18	Rakyat Management Services Sdn Bhd	YBhg. Dr. Mokhrainim Mokhtar	OFO-1007-02-SVC
19	Resepi Arena Sdn Bhd	Encik Muhammad Hakim Hamdan	OFO-0615-02-F&B
20	Ria Two Sdn Bhd	Encik Rozaiman Che Kar	OFO-0607-05-OTH
21	Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd	Encik Roy Lim	OFO-0104-09-F&B
22	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Encik Kevan Ong Kin Wye	OFO-1000-04-EDU
23	SNS Network (M) Sdn Bhd	Cik Lam Chen Zhen	OFO-0711-05-ICT
24	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	Encik Goh Lin Kin	OFO-0910-02-BH
25	YaPEIM Smart Venture Sdn Bhd	Encik Muhammad Idzham Bin Baharuddin	OFO-0312-09-SVC

AHLI BIASA - FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Avon Cosmetic (M) Sdn Bhd	Encik Khairuddin Yahya	OMF-0797-04-BH
2	Golden Arches Restaurants Sdn Bhd	Encik Khairul Azmi Rezo	OMF-0797-05-F&B
3	Naza Tutti Frutti (M) Sdn Bhd	Encik Izhm Hakimi Dato' Hamdi	OMF-0911-01-F&B
4	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	Encik Fauzi Awang	OMF-0608-11-F&B

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Diiz Universe Sdn Bhd	Encik Adli Nazrin	OFE-1113-05-F&B
2	EVW Hotel (Bukit Jalil) Sdn Bhd	Cik Khoo Peng Yong	OFE-0616-03-SVC
3	HR Bestari Sdn Bhd	Encik Alias Bin Ayob	OFE-0510-06-EDU
4	Rishaz Beauty & Healthcare	Encik Azizan Baharom	OFE-0413-03-B&H
5	Mosa Global Sdn Bhd	Encik. Mohd. saiful Anuar Mahamad Arif	OFE-1113-04-F&B
6	Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd	YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir	OFE-0512-02-TRV

AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Franchise Channel (M) Sdn Bhd	Encik Mohamad Shukri Salleh	OSI-1204-04-CF
2	Franchise Technology & Methods Sdn Bhd	Encik Sam Siew Pak Kheong	OSI-0795-06-CON
3	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan	Encik Afkhar Razi Mohamed @ Arifin	OSI-0706-01-GOV
4	Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners	Encik Neoh Eng Kee	OSI-0498-08-LEG
5	Mohd Latip & Associate	YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi	OSI-0795-18-LEG
6	Murni Alliance Consult Sdn Bhd	Encik Nurhasril Noordin	OSI-0605-09-CON
7	Perbadanan Nasional Berhad	Tuan Hj Hassan Abdul Rahman	OSI-0798-02-GOV
8	Raja, Daryl & Loh	Encik Chew Phye Keat	OSI-1299-02-LEG
9	Telekom Malaysia Berhad	Encik Noorsham Shuhaimi	OSI-0316-03-SVC

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Adriel Optometry Consultants Sdn Bhd	YBhg. Dr. Soh Meng Poey	AFO-0215-5-SVC
2	Apac Star Food Systems Sdn Bhd	Cik Siti Zulaikha Mohd Zahid	AFO-0215-03-F&B
3	Baker's Boy Marketing Sdn Bhd	Encik Kau Jia Jie	AFO-0415-04-F&B
4	Mohd Yaseem Nasi Kandar (MYNK) Sdn Bhd	Encik Mohd Jalaludeen	AFO-1214-03-F&B
5	Multiple Reward Sdn Bhd	Encik Vincent Teng	AFO-0514-01-F&B
6	Peladang Edar Sdn Bhd	Encik Mohamad Bin Hamsan	AFO-0615-05-F&B
7	Sinar Bekal (M) Sdn Bhd	Encik Manirajan A/L Ramachandran	AFO-0215-04-SVC
8	Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd	Encik D Mahadevan	AFO-0414-01-RET
9	Sydney Cake House House Sdn Bhd	Puan Carmen Lim	AFO-0814-01-F&B

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Ayam Penyet Api Sdn Bhd	Encik Wan Jamaludin	OFO-0312-04-F&B
2	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd	Cik Eugene Chan	OFO-0511-01-SVC
3	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd	Cik Melissa Wong	OFO-0511-01-SVC
4	Golden Arches Restaurants Sdn Bhd	Puan Suhaila Abd Rahman	OMF-0797-05-F&B
5	Harta Maintenance Sdn Bhd	Cik Ili Atira Zolkifli	OFO-0313-01-SVC
6	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Cik Lee Siew Kwoon	OFO-0100-01-F&B
7	Mohd Yaseem Nasi Kandar (MYNK) Sdn Bhd	Encik Mohd Azlan Mohd Jalaludeen	AFO-1214-03-F&B
8	Percetakan Pro-Spencer Sdn Bhd	Encik Ahmad Al-Qayyum	OFO-1012-02-SVC
9	Telekom Malaysia Berhad	Encik Aiman Hafidz Ashikin	OSI-0316-03-SVC
10	Telekom Malaysia Berhad	Puan Sutha R	OSI-0316-03-SVC
11	YaPEIM Smart Venture Sdn Bhd	Encik Mohd Zul Azri	OFO-0312-09-SVC
12	YBL International Sdn Bhd	Encik Bh Yeoh	AFO-0616-04-SVC
13	KK Supermart & Superstore Sdn Bhd	Puan Haslee Idayu	AFO-0908-04-RET
14	KK Supermart & Superstore Sdn Bhd	Encik Marine Lai	AFO-0908-04-RET
15	Universiti Putra Malaysia	YBhg. Prof Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman	
16	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	Encik Ahmad Puad Abu Bakar	OMF-0608-11-F&B

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2016

Jawatankuasa Pentadbiran
Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika
Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa
Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam
Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan
Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan
Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan
Jawatankuasa Induk Program Franchise International Malaysia 2016
(FIM2016)
Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2016 (MAF2016)

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2016

1.0 LAPORAN PENTADBIRAN

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-21

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-21 telah diadakan pada 17 Jun 2016 bertempat di PWTC Kuala Lumpur dengan dihadiri dengan 69 wakil ahli. Pada mesyuarat tersebut, En Alias Ayob dan En Amran Abd Hamid telah dilantik sebagai Juruaudit Dalaman sesi 2016/2018. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk meminda Fasal 15, Undang-Undang Tubuh MFA berkaitan tempoh perlantikan Juruaudit Dalaman.

MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA

Mesyuarat Jawatankuasa Utama telah dilaksanakan bagi memastikan dan memantau aktiviti dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan serta membincangkan perkara atau isu berbangkit yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat diantara Jawatankuasa kecil dan dikalangan sekretariat juga sering dilaksanakan. Jadual pelaksanaan mesyuarat bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
13 Jan 2016	Mesyuarat Bil 4/2015-2017
13 Apr 2016	Mesyuarat Bil 5/2015-2017
16 Jun 2016	Mesyuarat Bil 6/2015-2017
16 Nov 2016	Mesyuarat Bil 7/2015-2017

SEKRETARIAT

Sekretariat ditubuhkan untuk membantu Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan faedah kepada ahli secara khususnya dan industri francais secara umumnya. Sehingga 31 Disember 2016, bilangan sekretariat adalah sebanyak 15 orang berbanding 18 orang pada Disember 2015.

PENUBUHAN SYARIKAT MFA FRANCHISE SDN BHD

Penubuhan syarikat ini adalah salah satu inisiatif MFA bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan belanja overhead MFA. Satu bengkel bagi membincangkan penubuhan syarikat Sdn Bhd ini telah diadakan pada Januari 2016.

Pada 5 September 2016, syarikat yang diberi nama MFA Franchise Sdn Bhd telah diluluskan oleh SSM dengan modal dibenarkan sebanyak RM400,000 manakala modal berbayar sebanyak RM200,000. Saham MFA Franchise Sdn Bhd adalah milik penuh MFA.

INFORMASI, TEKNOLOGI & KOMUNIKASI

Membina, menyelenggara dan menaiktarafkan laman sesawang, sistem Email, Sistem SMS dan Fax Digital bagi memastikan maklumat dapat di capai dan disalurkan kepada umum, serta sebagai platform para ahli mempromosikan aktiviti mereka.

KALENDAR AKTIVITI

JKK Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan dan memastikan aktiviti MFA yang telah dirancang dilaksanakan mengikut perancangan. Sepanjang tahun 2016, Persatuan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahlinya dan orang awam. Selain itu, Persatuan juga telah menyertai dan menerima jemputan anjuran ahli-ahli persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta. Kalendar Aktiviti Tahun 2016 adalah seperti di muka surat 64-70.

2.0 LAPORAN PENDAFTARAN & ETIKA

PENDAFTARAN KEAHLIAN

Bilangan Keahlian

Jawatankuasa dari semasa ke semasa melaksanakan operasi pemutihan ahli bagi memastikan setiap ahli menerima faedah daripada keahlian mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti keahlian serta penyampaian perkhidmatan MFA. Pecahan bilangan keahlian pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

KATEGORI	JENIS KEAHLIAN	BILANGAN
Ahli Biasa	Francaisor	103
	Francaisi Induk	11
	Francaisi	31
	Institusi Sokongan	7
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	32
	Bakal Francaisi Induk	6
	Bakal Francaisi	10
	Institusi Sokongan	14
Ahli Antarabangsa		3
Ahli Kehormat		7
JUMLAH		224

Keahlian Ahli Baru

Pada tahun 2016, keahlian yang telah diluluskan adalah sebanyak 28 permohonan. Fokus rekrut keahlian adalah di kalangan francaisor dan francais induk yang diluluskan oleh Pendaftar Francais di mana JKK berjaya merekrut secara purata sebanyak 44 peratus daripada jumlah kelulusan tahunan Pendaftar Francais.

Penamatan Keahlian

Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 12 ahli telah menamatkan keahlian mereka berbanding 13 ahli pada tahun 2015. Penamatan ini adalah disebabkan ahli tersebut tidak lagi aktif dalam industri francais.

AKTIVITI KEAHLIAN

MFA juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan pelbagai faedah kepada ahli-ahli persatuan dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

1. Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)

Tujuan Program ini diadakan adalah untuk menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada ahli disamping meningkatkan komunikasi dan perhubungan antara MFA dan Ahli. Setiap Sekretariat MFA akan dilantik sebagai Pegawai Perhubungan kepada 20-30 bilangan ahli. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memaklumkan aktiviti anjuran MFA, mendapatkan maklumat terkini serta kebajikan ahli.

2. Jemputan Khas Menyertai Aktiviti Anjuran MFA

Sebagai tanda penghargaan kepada kesetiaan ahli dan kebersamaan ahli sepanjang penubuhan MFA selama ini, JKK pada tahun 2016 telah memperkenalkan manfaat keahlian untuk menjemput ahli menyertai dan merasai kemeriahan aktiviti anjuran MFA. Jemputan khas ini khusus kepada ahli yang mempunyai tahun keahlian melebihi 10 tahun. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 45 ahli telah dikenalpasti.

Pada tahun 2016, seramai 7 ahli telah menerima manfaat ini di mana seramai 15 wakil ahli berpeluang menyertai Program Malam Anugerah Francais 2016 yang berlangsung pada 11 November 2016.

3. Kunjungan ke Ahli

Ahli Sedia Ada - Melalui aktiviti ini MFA dapat mengetahui perkembangan semasa, permasalahan dan sekaligus menjalinkan hubungan erat di antara ahli dan persatuan. Sepanjang tahun 2016 MFA telah mengunjungi sebanyak 40 ahli.

Potensi Ahli – Kunjungan ini merupakan tindakan proaktif JKK untuk menambahkan bilangan keahlian MFA disamping untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA serta untuk menjalinkan hubungan erat di kalangan pemain industri francais. MFA telah mengunjungi sebanyak 6 potensi ahli pada tahun 2016.

4. Teh/Coffee Tarik Session

MFA telah menganjurkan sesi ini bagi mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa daripada ahli-ahli. Selain itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk mempromosikan outlet ahli kepada ahli MFA yang lain. Lokasi pelaksanaan adalah ditaja oleh ahli tersebut. Sebanyak 4 sesi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dan dihadiri secara puratanya sebanyak 50 ahli bagi setiap sesi.

TARIKH & LOKASI	TOPIK
8 April 2016 MFA	Foreign Worker in Food & Beverages Sector
29 Julai 2016 Old Town White Coffee Bangsar	HRDF & franchise
13 Oktober 2016 Teh Tarik Place, Petaling Jaya	Grow your business, A Talk on Government Grants under MATRADE, SME Corp and MFA
21 Dis 2016 Myipo	Legal Issues Among Franchisor and Franchisee

5. Misi Perdagangan

MFA bersama-sama KPDNKK dan MATRADE telah menganjurkan lokasi Misi Perdagangan ke 4 lokasi iaitu Jakarta, Melbourne, Manila dan Shanghai. Tujuan misi perdagangan ini adalah bagi membantu ahli-ahli MFA mempromosikan sistem francais mereka ke luar negara. Selain daripada itu, MFA juga turut mempromosikan ahli-ahli MFA melalui brosur dan banting ahli. Sehingga kini sebanyak 57 syarikat dalam pelbagai kategori produk dan servis atau jenama francais telah menembusi lebih daripada 65 buah negara. Butiran lanjut adalah

seperti di Laporan Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa.

6. Misi Promosi Peringkat Nasional

MFA telah bekerjasama dengan KPDNKK dan organisasi lain dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi di peringkat nasional ke 3 buah negeri iaitu Sabah, Melaka dan Sarawak bagi membantu ahli-ahli MFA mempromosikan sistem francais mereka ke seluruh Negara. Selain itu, MFA juga mengambil peluang ini untuk mempromosikan sistem francais dan aktiviti MFA kepada orang awam, mendapatkan pendaftaran keahlian baru dan program latihan MFA.

7. Liputan Media

MFA sebagai platform antara media dan ahli-ahli MFA bagi mempromosikan ahli MFA dan industri francais keseluruhannya. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 68 berita ahli telah dihebahkan melalui pelbagai saluran media.

8. Media Sosial

MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 4 saluran media baru iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA.

9. Laman Sesawang MFA

MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 142 ahli telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA dan facebook MFA.

10. Penganugerahan Sijil Keahlian kepada Ahli Baru

Seramai 14 ahli baru pada tahun 2016 telah dianugerahkan sijil keahlian semasa Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke-21 di PWTC Kuala Lumpur pada 17 Jun 2016. Selain itu, penyampaian sijil juga telah diadakan semasa pelaksanaan program Teh Tarik.

11. Penyertaan Aktiviti Ahli

MFA telah menerima pelbagai jemputan untuk menghadiri program anjuran ahli dan akan dihadiri sama ada di kalangan Ahli Jawatankuasa Utama

ataupun sekretariat. Butiran lanjut jemputan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

TARIKH	AKTIVITI
23 Januari	Program Biasiswa "Seorang Anak Sebesar Harapan" anjuran SMART READER
30 Januari	Majlis Perasmian Kedai Saudagar Kurma
23 Mac	Majlis Anugerah Ar-Rahnu X'change 2015 anjuran Rakyat Management Services Sdn Bhd
24 Mac 2016	KL Trillion Retail Leasing Invitation
5 April	Program Sembang Santai Francais 2016 anjuran PNS
29 Julai 2016	Cleanpro Express National Conference
6-7 Ogos	Program CU2U Gloria Jean's Coffees Malaysia
16 Ogos 2016	PNS Breakfast Talk
11 Oktober	Program Sembang Santai Francais anjuran PNS
20 Oktober 2016	Manhattan Fish Market (MFM) Signing Ceremony & Gala Night

12. Jemputan Penyertaan Kepada Ahli

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

TARIKH	AKTIVITI
3 April 2016	KL Trillion Retail Leasing Invitation di KLCC pada 31 Mac 2016.
6 April 2016	Program Specialised Marketing Mission (SMM) China Fanchise Expo 2016 anjuran MATRADE pada 7 – 11 Julai 2016
28 April 2016	TM SME BizFest2016 di Sabah pada 11 Mei, Johor pada 17 Mei & Kuala Lumpur pada 31 Mei
11 Julai 2016	Malaysia Productivity Survey oleh EPU
10 Oktober 2016	Forum on How To Identify New Commercial Areas dor Business Growth & Understanding Franchising oleh Horizon Hill pada 15 Oktober 2016

TARIKH	AKTIVITI
23 Nov 2016	Majlis Perasmian Karnival Mega Sale 2016 anjuran KPDNKK pada 25 November 2016 di Johor Bahru.

3.0 LAPORAN PERHUBUNGAN KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

AKTIVITI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Penyertaan Aktiviti

MFA telah terlibat dengan beberapa aktiviti di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya, Program-program yang telah disertai MFA adalah seperti berikut;

TARIKH	PROGRAM
14 Januari	Engagement Bersama YB Menteri KPDNKK dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) & Persatuan Peniaga anjuran KPDNKK
27 Januari	Projek Kerjasama MFA dan Yayasan Ikhlas : Bantuan Persekolahan Kepada Pelajar Miskin
24 Februari	Majlis Perasmian UMEC Foodbox anjuran Universiti Malaya
25 Februari	Program Power Dinner – An Evening With Franchisor 2016 anjuran KPDNKK
5 April	Pembentangan Budget Consultation 2017
15 April	Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016 -2020
21 April	Services Export Forum & Launcing of Malaysian Inc
21 April	Mesyuarat Penyelarasan Inisiatif KPDNKK bersama Industri Restoran
3 Mei	Bengkel Bagi Kajian Penyediaan Malaysia Productivity Blueprint (MPB), Unit Perancang Ekonomi, JPM
20 Mei	Penilaian Juri bagi Kategori Cap Dagangan & Petunjuk Geografi
29 Mei	Grand Dinner in Celebration of 95th Anniversary of the ACCCIM
30 Mei	Jemputan Sebagai Juri Pertandingan 'Business Pitching' Sempena Karnival Keusahawanan
16 Jun	Majlis Konsultansi Bajet 2017

TARIKH	PROGRAM
24 Jun	Perbincangan Produktiviti Roundtable Bagi Kajian Penyediaan Malaysia Productivity Blueprint (MPB) Subsektor Peruncitan
25 Julai	Sesi Perjumpaan Mengenai Cadangan Peraturan Mekanisme Pencatutan (Profiteering) Yang Baharu Di Bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011
28 Julai	MSDC (Internationalisation Strategy) with MATRADE, MFA, MITI and Prokhas
2 Ogos	Jemputan Ke Majlis Anugerah Harta Intelek Negara Sempena Hari Harta Intelek Negara 2016
5 Ogos	Mesyuarat bersama PDRM : Kes Penipuan Siber Melibatkan Penggodam Email
15 Ogos	EPU Productivity Expert Series presentation on Retail.
25 Ogos	Majlis Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016
27 Ogos	K-Food Fair 2016 (KMT Trading Sdn Bhd)
1 September	Sesi Amalan Baik Pemodenan Lesen Perniagaan PBT Wilayah Tengah
1 September	Perasmian Ekspo Mega Halal Fiesta Malaysia
20 September	Malaysia-Brazil Business Forum
22 September	Taklimat Pemakluman Pendaftaran Broker Dan Konsultan Francais
23 September	Asia Pacific SCR Awards 2016
29 September	Focus Group Meeting (Service Sector) on Developing New STI-Based Industries For Malaysia To Serve Emerging Markets in ASEAN & TPPA Member Countries
7 Oktober	Majlis Pelancaran Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2016
14 Oktober	Mesyuarat dengan Horizon Hills for Seminar Francais
15 Disember	Malaysia - Sri Lanka Business Forum & Dinner 2016
22 Disember	MSDC Working Group On Internationalisation No.2/2016

Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Kerjasama

MFA telah mengadakan dan menerima kunjungan hormat dan Mesyuarat kerjasama daripada beberapa organisasi dan kedutaan sepanjang 2016 bagi mempromosikan aktiviti MFA serta mengenalpasti

peluang perniagaan francais yang terdapat di kedua-dua negara. Kunjungan hormat dan Mesyuarat Kerjasama tersebut adalah seperti berikut;

TARIKH	PROGRAM
14 Januari	Mesyuarat dengan Presiden Majlis Belia Negeri Perlis bagi mengajurkan seminar francais
3 Februari	Mesyuarat kerjasama dengan Irshad HR Consulting mengajurkan Job Fair sempena FIM2016
10 Februari	Mesyuarat dengan ALBALOO Mobile Application
29 Februari	Kunjungan hormat kepada Y.Bhg Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin, Pengerusi FAMA
7 April	Mesyuarat dengan Jobs Malaysia mengajurkan Job Fair sempena FIM2016
19 Julai	Perbincangan dengan Malaysian Green Technology Corporation
5 September	Mesyuarat: Strategi Perdagangan Jangka anjuran MATRADE
6 September	Mesyuarat Program Karnival Mega Sale Anjuran KPDNKK bagi memanjangkan maklumat kepada ahli

KEANGGOTAAN MFA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

World Franchise Council (WFC)

MFA telah menghadiri mesyuarat WFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat WFC Bil. 1/2016	
Tarikh	26-30 April 2016
Tempat	Bologna, Italy
Wakil MFA	YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi

Mesyuarat WFC Bil. 2/2016	
Tarikh	23-24 November 2016
Tempat	Jakarta, Indonesia
Wakil MFA	1. YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi 2. En. Izham Hakimi Dato' Hamdi

Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

MFA telah menghadiri mesyuarat APFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat APFC Tahun 2016	
Tarikh	22 November 2016
Tempat	Jakarta, Indonesia
Wakil MFA	1. YBhg. Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi 2. En. Izham Hakimi Dato' Hamdi

AKTIVITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA Misi Perdagangan

JKK juga turut terlibat dalam melaksanakan Misi Perdagangan di peringkat antarabangsa anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan MATRADE. Tujuan aktiviti-aktiviti ini diadakan adalah bagi mempromosikan industri francais negara, ahli-ahli dan aktiviti-aktiviti MFA. Antara aktiviti lain yang turut diadakan pada setiap misi perdagangan ialah Forum Perniagaan, kunjungan hormat kepada dewan perniagaan, atau agensi kerajaan dan kunjungan ke outlet francais. Turut terlibat bagi program ini adalah ahli-ahli persatuan yang ingin menerokai serta mengembangkan perniagaan francais mereka ke peringkat antarabangsa. Insentif penyertaan turut diberikan oleh kerajaan kepada pemamer bagi setiap misi perdagangan yang disediakan oleh pihak KPDNKK melalui tajaan ruang pameran dan MATRADE melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG) yang disediakan.

a) International Franchise, License and Business Concept Expo and Conference, IFRA

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke International Franchise, License and Business Concept Expo and Conference, IFRA yang telah dianjurkan oleh KPDNKK. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	31 Mei – 6 Jun 2016
Tempat	Jakarta Convention Centre, Jakarta Indonesia
Penganjur	KPDNKK 1. YB Dato' Seri Hamzah Zainudin 2. YBhg Dato' Sri Jamil Salleh 3. Pn. Siti Aisah Ismail
Wakil MFA	1. En Izham Hakimi Dato' Hamdi 2. Mohd Faizal Abd Latip 3. En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya 4. En Rithauddin Abd Aziz 5. Cik Nor Fazira Jamaludin

<p>Penyertaan Ahli</p> <ol style="list-style-type: none"> Balloon Bouquets Sdn Bhd Cambridge English for Life Sdn Bhd Little Cash (M) Sdn Bhd Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd Marrybrown Sdn Bhd Revenue Valley Sdn Bhd
--

b) Franchise Asia Philippines 2016

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Franchise Asia Philippines 2016 di Manila, Filipina yang telah dianjurkan oleh KPDNKK. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	22 – 24 Julai 2016
Tempat	SMX Convention Centre
<p>Penganjur <u>KPDNKK</u></p> <ol style="list-style-type: none"> YB Dato' Seri Hamzah Zainudin YBhg Dato' Basaruddin Sadali En. Afkhar Razi Mohamed@Ariffin Cik Hisalmizan Mat Kimi 	
<p>Wakil MFA</p> <ol style="list-style-type: none"> En Mohamad Shukri Salleh Cik Fatin Nur A'tikah Abd Latip Cik Nor Fazira Jamaludin 	
<p>Penyertaan Ahli</p> <ol style="list-style-type: none"> Balloon Bouquets Sdn Bhd Cambridge English for Life Sdn Bhd Focus Point Sdn Bhd Global Art Sdn Bhd Marrybrown Sdn Bhd Perbadanan Nasional Berhad Resepi Arena Sdn Bhd Revenue Valley Sdn Bhd Smart Reader Worldwide Sdn Bhd Teh Tarik Place Sdn Bhd 	

c) The Franchising & Business Opportunity Expo (TFBO)

MFA telah menyertai misi perdagangan ke The Franchising & Business Opportunity Expo di Melbourne, Australia yang dianjurkan oleh KPDNKK. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	22-29 Ogos 2016
Tempat	Melbourne Exhibition and Convention Centre Melbourne Australia
<p>Penganjur <u>KPDNKK</u></p> <ol style="list-style-type: none"> YB Dato' Seri Hamzah Zainudin YBhg. Dato' Basaruddin Bin Sadali Encik Ismainur Hadi Bin Amat Bakeron Encik Mohd Hafizul Bin Razali 	
<p>Wakil MFA</p> <ol style="list-style-type: none"> YBhg Dato' Seri Dr Ong Thiam Boon En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya En. Abdullah Abu 	
<p>Penyertaan Ahli</p> <ol style="list-style-type: none"> Resepi Arena Sdn Bhd Cambridge English for Life Sdn Bhd Focus Point Sdn Bhd Global Art Sdn Bhd Marrybrown Sdn Bhd Perbadanan Nasional Berhad Procleaner Sdn Bhd Revenue Valley Sdn Bhd Smart Reader Worldwide Sdn Bhd Teh Tarik Place Sdn Bhd 	

d) The 20th International Exhibition For Food, Drink, Hospitality, Food Service, Bakery & Retail Industries (FHC) 2016

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke The 20th International Exhibition For Food, Drink, Hospitality, Food Service, Bakery & Retail Industries (FHC) 2016 yang telah dianjurkan oleh MATRADE. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	7 -9 Oktober 2016
Tempat	Shanghai New International Expo Center
<p>Penganjur</p> <ol style="list-style-type: none"> MATRADE 	
<p>Wakil MFA</p> <ol style="list-style-type: none"> YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir Cik Nor Fazira Jamaludin 	
<p>Penyertaan Ahli</p> <ol style="list-style-type: none"> Assam House Restaurant (1991) Sdn Bhd Goldlife Marketing Sdn Bhd Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd Perbadanan Nasional Berhad Resepi Arena Sdn Bhd Revenue Valley Sdn Bhd 	

4.0 LAPORAN PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

PERHUBUNGAN MEDIA

Untuk tujuan mempromosikan industri francais, peranan media massa sememangnya penting. Sehubungan dengan itu, MFA telah mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan baik dengan organisasi-organisasi media melalui aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun untuk mendapat publisiti yang maksima. Antara aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

Lawatan dan Kerjasama Media

Lawatan ke media dilaksanakan untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media. Hasil daripada aktiviti ini, MFA telah mendapatkan pakej harga terbaik untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. MFA telah mengadakan pertemuan dengan media seperti berikut:

JENIS	TARIKH	ORGANISASI
Media Cetak	2 Mac	Utusan Malaysia
	7 Mac	Nanyang Siang Pau
	26 Julai	Bernamea
	11 Oktober	Malaysia Progress
Media Elektronik	10 Mac	Hot FM
	26 Julai	BERNAMA
Mobil Apps	18 Mac	Albaloo

Kerjasama dengan Media Elektronik

Dalam usaha mempromosi industri francais dan aktiviti-aktiviti anjuran MFA serta ahli-ahli, JKK PPR telah menjalinkan kerjasama dengan media melalui sesi temu bual, iklan dan liputan acara. Media yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan aktiviti MFA dan industri francais adalah seperti di Jadual di bawah.

KERJASAMA TELEVISYEN
Bernamea TV <ul style="list-style-type: none"> • Temu bual Biz Talk • Liputan Berita Perasmian FIM2016 • Liputan Berita Sidang Media Penyerahan Sumbangan Penaja MAF2016 • Liputan Berita MAF2016 • Liputan Berita Program Francais Siswa

RTM

- Temubual Biz Malaysia
- Liputan Berita Penyerahan Replika Cek FIM2016
- Liputan Berita FIM2016
- Liputan Berita Perasmian FIM2016
- Liputan Berita Sidang Media Penyerahan Sumbangan Penaja MAF2016
- Liputan Berita MAF2016

KERJASAMA RADIO

BERNAMA Radio

Liputan Program MFA dan FIM2016

Melaka.fm

Liputan Program FIM2016

Nasional.fm

Liputan Program FIM2016

Pahang.fm

Liputan Program FIM2016

Hot.fm

Liputan Program FIM2016

Manakala butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di **Lampiran**.

Kerjasama dengan Media Cetak dan Berita Online

MFA juga mendapat komitmen daripada media cetak dari semasa ke semasa bagi mengadakan sesi temu bual, siaran akhbar, iklan dan membuat liputan acara FIM2016 dan butiran media adalah seperti di Jadual bawah. Manakala butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di **Lampiran**.

Media Tempatan

- Bernama
- Utusan Malaysia
- Berita Harian
- Harian Metro
- Kosmo!
- Malaysian Digest
- Sinar Harian
- The New Straits Times
- The Sun
- Nanyang Siang Pau
- Franchise Asia
- Malaysia MICE by Tourisme Publication
- OIC Today
- SME Malayisa by Tourisme Publication

Media Antarabangsa

- Asiawide Franchise

Pakej Liputan Media Penajaan

MFA menyediakan khidmat liputan media kepada para penaja FIM2016 dan MAF2016 sebagai salah satu faedah berdasarkan pakej penajaan yang telah diberikan di RTM, Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro dan Sinar Harian. Antaranya ialah:

BIL	SYARIKAT	JENAMA
1	Bank Rakyat Berhad	Bank Rakyat
2	Credit Guarantee Corporation	CGC
3	Coolblog Dessert Sdn Bhd	Coolblog
4	FAMA Corporation Sdn. Bhd	Kopie 1
5	Malaysian Intellectual Property Berhad	MyIPO
6	Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
7	Perbadanan Nasional Berhad	PNS
8	Qubah Emas Resources Sdn Bhd	Adan Laundry
9	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Ar-Rahnu X'Change
10	Resepi Arena Sdn Bhd	Dapur Penyet
11	Teh Tarik Place Sdn Bhd	Teh Tarik Place

b. Ucapan & Nota Ucapan

Pihak JKK bertanggungjawab untuk menyediakan teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

PROGRAM	TETAMU KEHORMAT
Program Bantuan Persekolahan Kepada Pelajar Miskin	En Mohamad Shukri Salleh <i>Setiausaha Agung MFA</i>
Program Amal Berbasikal Bersama Raja Muda Perlis	DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail <i>Raja Muda Perlis</i>
Majlis Pelancaran FIM 2016	YB Dato' Seri Hamzah Zainudin <i>Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>
	YBhg Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi <i>Pengerusi MFA</i>
Mesyuarat Agung Tahunan 2016	YBhg Dato' Hj. Razali Othman <i>Timbalan Ketua Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>
	YBhg Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi <i>Pengerusi MFA</i>
Majlis Perasmian & Malam Resepi	YB Dato' Seri Hamzah Zainudin <i>Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>

Editorial

MFA bertanggungjawab melaksanakan editorial bagi sidang media, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta liputan media bagi setiap aktiviti yang dianjurkan oleh MFA. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Sidang Media

MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.

TARIKH	PROGRAM
31 Mac	Majlis Pelancaran FIM2016
5 Mei	Media Tour FIM206
7 Mei	Perasmian FIM2016
17 Jun	Mesyuarat Agung Tahunan 2016
28 Julai	Anugerah Francais Malaysia 2016
29 Sep	Franchise Business Challenge 2016
2 Nov	Pengumuman Calon Akhir MAF2016
11 Nov	Malam Anugerah Francais

PROGRAM	TETAMU KEHORMAT
FIM 2016	YBhg Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi <i>Pengerusi MFA</i>
Franchise Business Challenge (FBC2016)	YB Dato' Seri Hamzah Zainudin <i>Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>
Majlis Penyerahan Sumbangan Penajaan & Pengumuman Calon Akhir Anugerah Francais Malaysia	YB Dato' Henry Sum Agong <i>Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>
Malam Anugerah Francais 2016 (MAF2016)	YB Dato' Seri Hamzah Zainudin <i>Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan</i>
	YBhg Wira Datuk Mohd Latip Sarrugi <i>Pengerusi MFA</i>

c. Laman Sosial

MFA telah mempromosikan semua aktiviti termasuk FIM2016 dan MAF2016, FBC2016, EFDP2016, Teh Tarik Session, Program Latihan serta aktiviti MFA dan Ahli di laman sosial di:

- Facebook/franchiseMalaysia,
- Instagram@franchisemalaysia.
- twitter@FranchiseMY,
- Youtube/MyFranchiseHub,
- LinkedIn/Malaysian Franchise Association (MFA)

d. E-Franchise Mind

Penerbitan e-Franchise Mind adalah untuk memberi informasi mengenai industri francais, menghebahkan aktiviti MFA serta mempromosikan ahli MFA. E-franchise Mind ini diterbitkan sebanyak 3 edisi pada tahun 2016 dan diedarkan kepada ahli dan bakal ahli.

e. Iklan

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan program. Pada tahun 2016, JKK telah menerbitkan iklan program dan iklan terima kasih di akhbar Berita Harian, Harian Metro, Nanyang Siang Pau, New Straits Times, SME Magazine, The Sun dan Utusan Malaysia.

PERHUBUNGAN AWAM

MFA telah menyertai beberapa program yang dapat menyampaikan maklumat francais kepada orang awam, untk mendapatkan keahlian baru serta mempromosikan aktiviti MFA dan ahli-ahlinya.

1. Program Francais Komuniti 2016

MFA telah menyertai program Francais Komuniti yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan seperti berikut:

TARIKH	LOKASI
12-14 Ogos 2016	Kota Kinabalu, Sabah
3-5 Sep 2016	Melaka
28-30 Okt 2016	Lawas, Sarawak

2. Lain-lain Aktiviti Promosi MFA

MFA telah menyertai beberapa siri promosi francais dalam dan luar negara yang melibatkan misi perdagangan, pameran, seminar dan jemputan ceramah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
2 – 5 Jun 2016	International Franchise, License & Business Concept Expo & Conference (IFRA), Jakarta
22 –24 Julai 2016	Franchise Asia Philippines 2016
26 – 28 August 2016	Franchising & Business Opportunities Expo
23 – 26 September 2016	The 13TH China-Asean Expo (CAEXPO) 2016, Nanning, China

3. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

MFA terlibat di dalam menganjurkan aktiviti khidmat masyarakat dengan kerjasama ahli-ahli persatuan untuk mewujudkan kesan positif dan memberi

manfaat kepada masyarakat. Pada tahun 2016, MFA telah menganjurkan 2 program CSR dan butiran adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
27 Januari 2016	Projek Kerjasama MFA dan Yayasan Ikhlas : Bantuan Persekolahan Kepada Pelajar Miskin
27 Februari 2016	Sumbangan Kepada Sekolah dan Rumah Anak Yatim Bersama Raja Muda Perlis

MFA juga berperanan untuk melaksanakan aktiviti promosi dan penerbitan untuk penjenamaan MFA dan aktiviti anjuran MFA. Sehubungan dengan itu, JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan dan mencetak item promosi seperti buku program, brosur, bunting, banner, billboard, e-buletin dan bahan promosi yang lain.

PEMASARAN

MFA juga berperanan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada ahli, individu dan organisasi lain. Sehubungan dengan itu, MFA melalui JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti seperti:

1. Konsultasi dan Info Servis

Berperanan untuk memberikan penerangan mengenai asas perniagaan francais serta mewujudkan hubungan di antara persatuan dengan bakal usahawan yang berpotensi seperti berikut :

Taklimat Mingguan Francais – program ini dilaksanakan setiap Khamis, jam 2.30 petang dan terbuka kepada umum. Program ini dijadikan platform untuk mempromosikan program latihan dan keahlian MFA. Sepanjang tahun 2016, MFA telah menerima sebanyak 90 orang peserta.

Laman Sesawang MFA : Members & Franchise News- Sebanyak 187 artikel atau berita berkaitan industri francais dan ahli telah dimuat naik di dalam portal MFA sepanjang tahun 2016.

Lawatan Pemasaran – Melaksanakan kunjungan pemasaran untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta menawarkan beberapa pakej jualan yang disediakan. MFA telah melaksanakan lawatan pemasaran ke 26 buah syarikat sepanjang tahun 2016 berbanding 15 syarikat pada tahun sebelumnya.

SENARAI LIPUTAN MEDIA TAHUN 2016

MEDIA ELEKTRONIK (TV & Radio)

1. Temuramah & Liputan Berita TV & Radio

TARIKH	MEDIA	TAJUK
13 Januari 2016	Bernamea.fm	Temubual bersama wakil Adan Laundry, En Zamani Zakaria
15 Januari 2016	Bernamea.fm	Temubual bersama wakil CGC
19 April 2016	Nasional fm	Temubual bersama wakil Kopie Satu
24 April 2016	RTM1	Temubual bersama wakil MFA, En Mohamad Shukri Salleh
26 April 2016	Melaka fm	Temubual bersama wakil MFA, En Khairudin Yahya
02 Mei 2016	Pahang fm	Temubual bersama wakil MFA, En Mustaffa Mat Arof
03 Mei 2016	Nasional fm	Temubual bersama wakil Ar Rahnun, Dr. Mokhrazinim Mokhtar

LAMPIRAN

PORTAL / LAMAN SESAWANG

MEDIA	TAJUK
BERNAMA	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
MFA	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
OIC TODAY	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)

MEDIA	TAJUK
PNS	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
SSM	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
ALBALOO	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
FIM2016 WEBSITE	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)
BERNAMA	Iklan Program Franchise International Malaysia 2016 (FIM2016)

BERITA ONLINE

TARIKH	SURAT KHABAR	TAJUK
30 April 2017	Bernama	Francais Korea tinjau pasaran tempatan
		Francais Korea tinjau pasaran tempatan atas permintaan tinggi produknya
2 Mei 2016	Utusan Malaysia	Jenama Korea Selatan sertai FIM2016
7 Mei 2016	Utusan Malaysia	Sasaran FIM2016 rm400juta
	The Sun	FIM a platform for Malaysian franchisers to venture overseas
	Bernama	FIM2016 attracts 70 participants from seven countries
8 Mei 2016	New Straits Times	EFDPA could become catalyst towards Malaysia becoming franchise hub
	Utusan Malaysia	RM263.3 juta bantu pembiayaan francais
	Bernama	Malaysia yakin jadi hab francais menjelang 2020
		PNS peruntuk lebih rm263 juta untuk pembiayaan francais sejak 2006 – Hamzah Zainudin
Malaysia Digest	Over rm263 million allocated for franchise businesses since 2006 – Hamzah Zainudin	
10 Mei 2016	Berita Harian	10,00 penduduk tempatan di pasar raya menjelang 2020
	Utusan Malaysia	Bakal usahawan dapat banyak maklumat dalam FIM2016
12 Mei 2016	Bernama	FIM2016 Platform bagi usahawan bina perniagaan
		Penyertaan mahasiswa dalam francais sokong sasaran jadikan Malaysia hab Asia Tenggara

5.0 LAPORAN PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

AKTIVITI PENYELIDIKAN

Kajian Kes.

Kajian kes telah dilancarkan pada awal Mac 2015. Kajian ini melibatkan kerjasama antara jawatankuasa dan Universiti Putra Malaysia. Tujuan utama kajian kes ini diadakan adalah untuk mengumpulkan serta menerbitkan kisah kejayaan syarikat francais untuk dijadikan bahan rujukan pihak umum dan industri. Antara syarikat yang terlibat dalam edisi pertama kajian ini adalah para pemenang Anugerah Francais Malaysia bermula pada tahun 2012 sehingga 2015. Berikut adalah senarai syarikat yang terlibat:

1. Berjaya Roaster (M) Sdn Bhd – Kenny Rogers Rosters
2. CH Global Resources Sdn Bhd – Cherie Hearts
3. Harta Maintenance Sdn Bhd – Harta EMS
4. Marrybrown Sdn Bhd – Marrybrown
5. Pandan Utama Sdn Bhd – Procleaners
6. Poney Resources Sdn Bhd – Poney
7. Resepi Arena Sdn Bhd – Dapur Penyet
8. Revenue Valley Sdn Bhd – The Manhattan Fish Market
9. Senheng Electrical (KL) Sdn Bhd – Senheng
10. Wonderful Lifestyle Sdn Bhd – Gloria Jean's Coffees

Kajiselidik Maklumbalas Tahap Kepuasan Ahli

Kajiselidik ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas kepuasan dalam menjadi ahli persatuan. Antara tujuan utama kajiselidik ini diadakan adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan ahli berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan. Maklumbalas ini seterusnya akan dijadikan input dalam strategi penambahbaikan perkhidmatan kepada para ahli. Hasil daripada soalselidik tersebut, ahli berpuas hati terhadap perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh MFA.

Kajian Kemaskini Data Pendaftaran Francais

MFA telah merangka pelaksanaan kajian tersebut yang telah dilancarkan pada pertengahan April 2016. Kajian tersebut bertujuan untuk mendapatkan status aktif dan penglibatan dalam perniagaan francais bagi kesemua syarikat yang telah berdaftar dengan Pendaftar Francais. Hasil daripada kajian tersebut sebanyak 750 syarikat masih lagi berstatus aktif berbanding 830 syarikat yang telah didaftarkan sehingga 14 Oktober 2016.

Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2016

MFA telah melaksanakan gerak kerja bagi persidangan FIM2016 pada Januari 2016. Persidangan telah melibatkan 6 sesi plenari yang terdiri daripada 11 orang pembentang tempatan dan 2 orang pembentang dari luar. Sebanyak 250 peserta terlibat dalam persidangan kali ini.

Anugerah Francais Malaysia 2016

Jawatankuasa telah selesai menjalankan proses penilaian anugerah pada tahun ini pada 26 Ogos 2016 yang lalu. Seramai 31 orang panel penilai daripada pelbagai agensi berkaitan telah terlibat dalam penilaian tersebut. Hasil penilaian tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih pada 19 Oktober 2016. Keputusan tersebut telah diumumkan dan disampaikan oleh YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) pada Malam Anugerah Francais Malaysia yang telah dilangsungkan pada 11 November 2016, di PWTC Kuala Lumpur.

PENDIDIKAN

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais

mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais. Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
5 Mac 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) 2. Bright Path Enterprise (CIC)
23-24 Julai 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) 2. Emphasis Reality Sdn Bhd (BBQ Chicken)
3-4 Sep 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Avon Cosmetic (M) Sdn. Bhd. (Avon Cosmetic) 2. Smart Think Sdn. Bhd (Smart Reader Kids)
19-20 Nov 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Myhomme Group Resources (M) Sdn. Bhd (Aquanano) 2. Marrybrown Sdn. Bhd (Marrybrown)

Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais

Objektif program ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais dan kaedah-kaedah menilai daya maju sesebuah perniagaan francais serta sebagai persediaan untuk menceburi bidang francais. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PROGRAM
23 Januari 2016 Kuala Lumpur	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjuran bersama Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pahang (PEKAP)
30 Januari 2016 Kuala Lumpur	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjuran bersama Persatuan Jaringan Bisnes Muslim (MUBIN)
27 Februari 2016 MARA	Seminar Pendedahan & Peluang Perniagaan Francais anjuran MARA Negeri Perlis

International Franchise Management Certificate Course

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
2-3 April 2016 Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Delta Franchise System ▪ Global Art & Creative Sdn Bhd ▪ Intellect Franchising Sdn Bhd ▪ Marrybrown Sdn Bhd ▪ Meress Wong Jin Nee
24-25 September 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Aqalivista Consulting & Services Sdn Bhd ▪ Franchise Channel (M) Sdn Bhd ▪ Intellect Franchising Sdn Bhd ▪ Khalek Awang & Associates ▪ Miranda & Samuel ▪ Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
19-20 November 2016 Best Western Hotel, Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Franchise Technology & Methods Sdn Bhd (FT Consulting) ▪ Global Art & Creative Sdn Bhd ▪ Intellect Franchising Sdn Bhd ▪ Meress Wong Jin Nee ▪ Miranda & Samuel ▪ Naza Tutti Frutti Sdn. Bhd

Grow Your Franchise Certificate Course (GYF)

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PROGRAM
3-4 September 2016 Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Balloon Bouquets Sdn Bhd ▪ Franchise Channel (M) Sdn Bhd ▪ Franchise Technology & Methods Sdn Bhd (FT Consulting) ▪ Khalek Awang & Associates ▪ Naza Tutti Frutti Sdn. Bhd

17-18 Disember 2016 Hotel Vistana Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Avon Cosmetic (M) Sdn. Bhd ▪ Balloon Bouquets Sdn Bhd ▪ Myhomme Group Resources (M) Sdn. Bhd
--	--

Program Francais Siswa 2016

Program Francais Siswa 2016 telah selesai dilaksanakan pada 29 September 2016 bertempat di Universiti Malaya (UM). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK). Berikut adalah fasa-fasa Program Francais Siswa 2016:

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
24 April 2016	Taklimat Program Francais Siswa	KPDNKK, Putrajaya
7 Mei 2016	Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM2016)	PWTC, Kuala Lumpur
16 Mei 2016	Seminar Sehari Francais	KPDNKK, Putrajaya
22-24 Julai 2016	Kursus Intensif Francais	Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya
29 September 2016	Franchise Business Challenge 2016	Universiti Malaya

Sebanyak 10 Universiti yang bertanding telah dinilai oleh hakim jempuan dari KPDNKK, Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Credit Guarantee Corporation (CGC) dan Francaisor.

Para pemenang telah diumumkan dan dianugerahkan pada fasa terakhir Program "Franchise Business Challenge 2016" yang diadakan pada 29 September 2016 bertempat di Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya. Butiran pemenang adalah seperti berikut:

<u>PEMENANG</u>	<u>UNIVERSITI</u>
Johan	Universiti Malaya (UM)
Naib Johan	Universiti Utara Malaysia (UUM)
Tempat Ke-3	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Tempat Ke-4	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

6.0 LAPORAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

PROGRAM KERJASAMA

1. Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPPFT)

MFA telah menganggotai Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP) dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Produk (JTPP) untuk setiap negeri. Pada tahun 2016, MFA telah dijemput untuk menilai semula TOR agar ianya sesuai dengan peredaran masa dan selaras dengan perkembangan terkini. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun 2016.

2. Kerjasama Dengan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PBSM)

MFA telah mengadakan kerjasama dengan PSMB untuk menganjurkan 2 program Teh Tarik bagi menjelaskan Akta PSMB berkaitan perniagaan francais, fi levi latihan dan tuntutan fi latihan dalam francais. Program tersebut telah diadakan pada 29 Julai dan 30 Oktober 2016.

3. Businee Excellence CEO Forum 2016 Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MFA telah dijemput untuk menyokong penganjuran forum tersebut dan diberi tanggungjawab untuk mempromosikan dan mendapatkan penyertaan forum tersebut daripada kalangan para penggiat francais. Seramai 32 orang daripada kalangan ahli telah menyertai forum sehari ini yang telah diadakan pada 8 September 2016 di Grand Dorset Subang Hotel, Subang Jaya Selangor.

PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

MFA dengan kerjasama KPDNKK dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP dari tahun 2015 sehingga 2020. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para francais tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Di samping membina keupayaan untuk membangunkan francais ke pasaran antarabangsa. Terdapat 4 elemen di dalam program ini iaitu:

Pembangunan Infrastruktur

Untuk membangunkan kemudahan yang kondusif bagi membantu aktiviti pengembangan ke pasaran antarabangsa.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah Mesyuarat Jawatankuasa FRANEX dan penyediaan Perkhidmatan Video Conferencing kepada para ahli MFA.

Penyelidikan & Pendidikan

Menyediakan laporan penyelidikan pemasaran yang terkini khususnya untuk pasaran antarabangsa. Laporan ini disediakan untuk wakil francais tempatan di samping menyediakan program latihan bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan francais antarabangsa.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah MFA telah menyediakan 145 Laporan Pasaran Antarabangsa untuk dirujuk oleh ahli MFA, melaksanakan 4 program International Market Update Session (IMUS) sebagai persediaan ke Misi Perdagangan di Australia, China, Filipina dan Indonesia serta mengadakan 3 program latihan International Franchise Management (IFM) Certification Course dan 2 program Sell Your Franchise (SYF) Certification Course.

Pemasaran

Memfokuskan untuk membantu francais Malaysia semasa Misi Perdagangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh KPDNKK seperti penyediaan bantuan jurubahasa, mesyuarat susulan dan Sesi Pemadanan Perniagaan.

Aktiviti yang telah dilaksanakn sepanjang tahun 2016 adalah menyediakan bantuan jurubahasa kepada francaisor sepanjang program FMGG, 4 sesi permadanan perniagaan dan bantuan Misi perdagangan ke 4 buah negara yang dikunjungi.

Bantuan Kewangan

Penyediaan bantuan kewangan kepada penggiat francais yang telah mengembangkan perniagaan ke luar Negara berdasarkan kepada syarat tertentu. Terdapat 2 bentuk bantuan kewangan iaitu Pembayaran Balik Fi Perjanjian Francais dan Pembayaran Balik Fi Pendaftaran Harta Intelek.

7.0 LAPORAN RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

RUNDINGCARA

Klinik francais dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa. Khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francais.

Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyiasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada agensi-agensi berkaitan seperti KPDNKK, PNS dan sebagainya. Sepanjang tahun 2016, 4 kes telah dikemukakan kepada MFA. Antara isu-isu yang dikemukakan adalah seperti isu sokongan francaisor kepada francais.

KEBAJIKAN

Jawatankuasa telah menerima 3 permohonan sokongan berkenaan khidmat nasihat dan sokongan sepanjang tahun 2016 daripada ahli. Antara isu-isu yang diterima seperti sokongan untuk isu francais dan pas lawatan profesional.

Consult Session Day

MFA bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli. Sepanjang tahun 2011 - 2015 sebanyak 54 kes telah direkodkan di MFA.

Oleh itu, bagi mengelakkan perselisihan faham ini berlarutan ke peringkat arbitrase dan mahkamah (Litigation), MFA dengan kerjasama beberapa syarikat perunding francais, Bahagian Pembangunan Francais KPDNKK, Peguam dan badan kewangan akan mengambil inisiatif untuk memegang peranan sebagai mediator bagi pihak yang bertelagah ini, dengan menganjurkan 'Consult Session Day'. Butiran lanjut perlaksanaan adalah seperti berikut:

TARIKH	TOPIK	BADAN KERJASAMA
21 Dis 2016	IP Issues Register Franchise Legal Issues	MyIPO KPDNKK Khalek Awang & Associates

Pemberian Rebet Baucher Keahlian

MFA telah mengambil inisiatif untuk memberi manfaat keahlian dengan pemberian rebet baucher bernilai RM200-RM400 mengikut kategori keahlian.

8.0 LAPORAN PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2016 (FIM2016)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia 2016
Tarikh	6 – 8 Mei 2016 (Jumaat – Ahad)
Masa	10.00 pagi – 6.00 petang
Tempat	PWTC, Kuala Lumpur
Tetamu Kehormat	YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin Menteri PDNKK

Bilangan ruang pameran : 120 ruang pameran
Jumlah pemamer : 78 syarikat
Jumlah transaksi : RM371 juta
Bilangan pengunjung : 10,557 pengunjung

PAMERAN

Pada tahun 2016, terdapat sebanyak 120 ruang pameran di mana 82 ruang pameran tempatan dan 38 adalah ruang pameran antarabangsa.

PENCAPAIAN PROGRAM

Penganjuran program FIM2016 telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat maklumbalas yang memberansangkan. Berikut adalah pencapaian yang diperoleh pada program FIM2016:-

FIM2016 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari 26 buah negara luar dan diantaranya adalah daripada Australia, Korea, India, Indonesia, Myanmar, Singapura dan Yemen.

Hasil daripada maklumbalas pengunjung mencatatkan bahawa 36% pengunjung yang datang adalah untuk melaksanakan kajian perniagaan manakala 15% adalah untuk mencari peluang perniagaan. 62% pengunjung berminat dengan perniagaan yang mempunyai modal kurang daripada RM500,000.

3 bidang perniagaan utama yang diminati oleh pengunjung adalah bidang perniagaan Makanan Segera / Restoran / katering / Aiskrim / Kedai Roti; Kecantikan / Fesyen / Kecergasan / Kosmetik serta Pendidikan Rendah dan Menengah.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA FIM2016

Program ini telah diadakan pada 8 Mei 2016, bertempat di Dewan Tun Hussein Onn dan telah berjaya mendapatkan sebanyak 205 penyertaan. Seramai 10 orang pembentang kertas kerja telah terlibat dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa FIM2016 :

BIL	NAMA PENCERAMAH	ORGANISASI
1.	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd	En. Khairuddin Yahya
2.	Blue Ocean Avenue Sdn Bhd (McDonald's)	En. Muhammad Aiman Ezanee
3.	CIC International Incorporated	Hjh. Qutren Nada Ahmad
4.	Intellect Franchising Sdn Bhd	En. Ray Low
5.	Miranda & Samuel	En. George Miranda
6.	Oryspa (Oryspa Spa Solution) , Philippine	Cik Sherill Quintana
7.	Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan FISH MARKET)	En. Dickson Low
8.	Smart Think Sdn Bhd (Smart Reader Kids)	Pn. Amy Chong Mun Teng
9.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	YBrs. Prof. Madya Dr. Azmawani Abd Rahman
10.	Vitality Boost Sdn Bhd (Boost Juice Bars)	Dr. Soraya R. Ismail

SESI PEMADANAN PERNIAGAAN

Program ini telah diadakan pada 12 Jun 2015 dan dihadiri oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada Indonesia dan Korea dan Malaysia. Taklimat mengenai peluang perniagaan francais di Malaysia telah diberikan oleh wakil MFA, KPDKK dan PNS.

BENGKEL PELUANG FRANCAIS

Program ini telah dianjurkan selama 3 hari iaitu pada 6-8 Mei 2016. Syarikat yang telah mengambil bahagian dalam program ini adalah seperti berikut :-

BIL	SYARIKAT& JENAMA	NEGARA
1.	All time Fitness Sdn Bhd (Anytime Fitness)	USA
2.	Asosiasi Francais Indonesia (AFI)	Indonesia
3.	Coolblog Dessert Sdn Bhd (Coolblog)	Malaysia
4.	EOneNet.com Sdn Bhd (E1Net)	Malaysia
5.	FAMA Corporation Sdn Bhd (Kopie1)	Malaysia
6.	Malaysian Franchise Association (MFA)	Malaysia
7.	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	Malaysia
8.	Philippine Franchise Association (PFA)	Filipina
9.	Qubah Emas Resources Sdn Bhd (Adan Laundry)	Malaysia
10.	Rakyat Management Services Sdn Bhd (Ar-Rahnu X-Change)	Malaysia

PERTANDINGAN BARISTA

Program ini telah dianjurkan pada 7 Mei 2016 dengan kerjasama Gloria Jean's Coffee dengan disertai oleh 5 orang peserta daripada Indonesia, Malaysia dan Myanmar . Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Pengerusi MFA, YBhg Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi.

SUMBANGAN PENAJAAN

Program FIM2016 telah mendapat sumbangan penajaan daripada penaja-penaja berikut:



9.0 LAPORAN PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS (MAF2016)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Malam Anugerah Francais 2016 (MAF2016)
Tarikh	11 November 2016, Jumaat
Masa	6.00 petang – 11.00 malam
Tempat	Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur
Tema	Batik dan Glamour – Warna Ungu
Tetamu Kehormat	YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin <i>Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK)</i>

MAJLIS MAKAN MALAM

Acara Koktel

Majlis beramah mesra bersama tetamu sebelum masuk ke dewan ini diserikan dengan persembahan muzik dan lagu daripada Busker sambil dihidangkan dengan jamuan koktel. Jamuan koktel ini dimeriahkan dengan penajaan hidangan koktel daripada beberapa syarikat francais iaitu Berjaya Roasters Sdn Bhd, Marrybrown Sdn Bhd, Resepi Arena Sdn Bhd, Revenue Valley Sdn Bhd dan Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd.

Temuramah Karpas Merah (Red Carpet)

Acara ini bertujuan untuk menemuramah calon-calon akhir bagi Anugerah Francais Malaysia 2016 dan sesi bergambar bersama tetamu yang hadir. Selain calon-calon akhir, panel-panel pemilih dan beberapa orang tetamu turut ditemuramah sepanjang majlis berlangsung.

Pemenang Anugerah Francais Malaysia 2016

Berikut adalah merupakan senarai para pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan untuk Anugerah Francais Malaysia 2016 :

Kategori Sistem Francais

- Francaisor Terbaik : Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)
- Francaisor Harapan Terbaik : Teh Tarik Place Sdn Bhd (Teh Tarik Place)
- Francaisor Antarabangsa Terbaik : Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)

Kategori Francaisi

- Francaisi Malaysia Terbaik : Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (Ar-Rahn)
- Francaisi Harapan Malaysia Terbaik : Nutrafood Resources Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)
- Francaisi Harapan Antarabangsa Terbaik : Top Notch Establishment Sdn Bhd (McDonald's)

Persembahan Hiburan

Para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Datuk Hattan dan Kumpulan Muzik Nakasutra.

ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2016

Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa Pemilih berperanan untuk menilai keseluruhan sistem dan kriteria penilaian, perjalanan proses penilaian serta skema permarkahan secara keseluruhannya. Jawatankuasa pemilih terdiri daripada wakil agensi atau badan profesional dan butiran lanjut jawatankuasa adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	WAKIL
1.	KPDNKK	Pn. Siti Aisah Binti Ismail
2.	PNS	En. Shamsudin Amir
4.	PUNB	En. Mohd Nor Shazali Idris
5.	SSM	En. Farid Bin. Ahmad
6.	MPC	Hjh. Sarimah misman
8.	SKM	En. Mohd Yusof Bin Khalid
9.	SME Bank	En. Hamdan Mohd Habibollah

Kategori Terbuka

Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik : Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd (Avon)

Inovasi Francais Terbaik : Myhomme Group Resources (M) Sdn.Bhd (Aquanano)

Kategori Penghargaan Khas

Penghargaan Khas Individu : Sam Siew Pak Kheong (Franchise Technology & Methods Sdn Bhd)

Penghargaan Khas Organisasi : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Penghargaan Khas Media – Individu : Nurulfatiha Bt. Muah (Sinar Harian)

Penghargaan Khas Media – Organisasi : Utusan Melayu (M) Berhad (Utusan Malaysia)

INSENTIF PEMENANG

Para pemenang Anugerah akan memperolehi insentif seperti senarai di bawah sebagai penghargaan di atas kemenangan mereka. Insentif ini juga diharapkan dapat menarik lebih banyak penyertaan pada Anugerah akan datang.

- Trofi Anugerah
- Sijil Anugerah Francais Malaysia
- Ruang Pameran Percuma di FIM2017
- Pakej liputan media
- Laporan Penilaian Anugerah Percuma kepada Calon-Calon
- Program Latihan Francais percuma untuk semua pemenang

PENAJAAN

Program Malam Anugerah Francais 2016 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan daripada beberapa organisasi dan syarikat di dalam industri francais. Senarai penaja utama MAF2016 adalah seperti berikut:



MOHAMAD SHUKRI SALLEH

Setiausaha Agung

30 Mei 2017



**LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Bendahari
Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-Ahli
Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
Akaun Berkanun Bendahari
Lebaran Imbangan
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
Penyata Penerimaan & Pembayaran
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan


LAPORAN BENDAHARI

Secara keseluruhannya, pendapatan dan perbelanjaan MFA dipengaruhi oleh pelaksanaan aktiviti yang sama ada dilaksanakan dengan pembiayaan sepenuhnya oleh MFA atau terdapat perolehan yang diterima daripada pihak Kementerian iaitu program yang dianjurkan secara kerjasama. Pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi daripada program yang dianjurkan secara kerjasama ini tidak dapat dijangkakan kerana tertakluk kepada keputusan pihak Kementerian. Oleh itu, jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan mempunyai perbezaan ketara. Jika di lihat pada keseluruhan kedudukan kewangan MFA pada tahun 2016, berlaku penurunan yang ketara berbanding tahun 2015. Pada tahun 2016, pendapatan mencatatkan pengurangan sebanyak 30% berbanding 2015. Seiring dengan pengurangan pendapatan daripada program kerjasama serta langkah-langkah penjimatan dan kos efektif yang dilaksanakan sepanjang 2016, jumlah perbelanjaan juga menurun sebanyak 23%.

CARTA PAI




PERBELANJAAN 2016



Belanja Keahlian	41,859
Belanja Kursus & Seminar	219,356
Belanja Acara	1,218,473
Pelbagai Belanja	243,602
Belanja Pentadbiran	901,158

PEBELANJAAN 2015



Belanja Keahlian	196,359
Belanja Kursus & Seminar	39,948
Belanja Acara	1,402,465
Pelbagai Belanja	791,511
Belanja Pentadbiran	1,002,003

PENDAPATAN

Pendapatan MFA keseluruhannya terdiri daripada yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama dan lain-lain. Pendapatan keseluruhan MFA pada 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak RM1 juta kepada RM2.429 juta berbanding RM3.450 juta pada tahun kewangan yang lepas. Pengurangan pendapatan ini banyak dipengaruhi oleh pendapatan daripada program kerjasama yang dilaksanakan. Pendapatan 2016 tanpa program kerjasama ini adalah sebanyak RM1.851 juta berbanding RM2.278 juta pada 2015 dimana mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 19% atau RM427 ribu. Analisis dan prestasi kewangan adalah seperti jadual dibawah.

KATEGORI	PENDAPATAN (RM'000)		VARIAN	
	2016	2015	RM	%
Keahlian	388	397	(9)	(2)
Kursus dan Seminar	63	27	(36)	133
Pengurusan Acara	1,244	1,699	455	(27)
Pelbagai Pendapatan	156	156	0	-
JUMLAH	1,851	2,278	(427)	(19)
Program Kerjasama	578	1,172	(594)	(51)
JUMLAH KESELURUHAN	2,429	3,450	(1,021)	(29)

Keahlian

Pada 2016, sebanyak 291 ahli yang telah dikemukakan inbois berbanding 302 ahli pada 2015. Jumlah ini termasuk 28 ahli baru pada 2016 dan 31 ahli baru pada 2015. Bagi menunjukkan laporan yang lebih realistik, MFA telah menggariskan polisi untuk mengemukakan inbois hanya kepada ahli yang mempunyai hutang tidak melebihi 3 tahun. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses. Yuran keahlian mencatatkan penurunan sebanyak 2% atau RM9 ribu pada tahun semasa berbanding 8% atau RM35 ribu pada tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 16% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih tinggi daripada 11% pada 2015.

Kursus & Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi Yuran kursus dan seminar menunjukkan peningkatan melebihi 100 peratus atau RM27 ribu kepada RM63 ribu pada 2016. Ini disebabkan terdapat perbezaan pelaksanaan jenis program latihan serta jumlah penyertaan bagi setiap program. Pada tahun kewangan 2016, sejumlah 25 program latihan dilaksanakan berbanding 17 program latihan pada tahun kewangan yang lepas. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 3% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun 2016 berbanding 1% pada tahun 2015.

Pengurusan Acara

Pada tahun 2016, 3 acara iaitu Program Franchise International Malaysia 2016 (FM2016), Malam Anugerah Francais 2016 (MAF2016) dan Franchise Business Challenge (FBC2016) telah diadakan dan menyumbang sebanyak 51% berbanding 49% pada tahun 2015 kepada pendapatan keseluruhan MFA. Jumlah pendapatan bagi acara berkurangan sebanyak 27 peratus daripada RM1.699 juta kepada RM1.244 juta pada tahun semasa. Faktor pengurangan adalah disebabkan pengurangan jumlah penajaan sebanyak 9% dan pengurangan jumlah peruntukkan sebanyak 38%.

Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA terdiri daripada Geran Pembangunan Pemasaran bagi program Misi Perdagangan, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, sumbangan bagi program CSR serta

penerimaan dividen dari akaun semasa dan pelaburan simpanan tetap. Pelbagai Pendapatan telah menjana perolehan sebanyak RM156 ribu pada 2016 dan tahun 2015.

Program Kerjasama

Program Kerjasama adalah program yang dianjurkan secara kerjasama dengan pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2016, yuran bagi program kerjasama adalah terdiri daripada pelaksanaan Program Francais Siswa, Seminar Pendedahan Francais dan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP). Manakala pada tahun 2015, yuran bagi program kerjasama terdiri daripada 4 program Misi Perdagangan ke luar negara, Program Francais Siswa dan Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP). Tiada kerjasama diadakan dengan pihak Kementerian bagi program Misi Perdagangan pada tahun 2016. Pendapatan daripada program kerjasama ini menyumbang sebanyak 24% kepada pendapatan tahun semasa MFA berbanding 34% tahun kewangan lepas. Mencatatkan pengurangan pendapatan tahun semasa sebanyak 51% berbanding tahun 2015 (RM0.578 juta pada 2016 berbanding RM1.172 juta pada 2015).

PERBELANJAAN

Seiring dengan pengurangan jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan juga mengalami penurunan sebanyak 23% daripada RM3.432 juta kepada RM2.624 juta pada 2016. Pengurangan ketara adalah daripada pelaksanaan program kerjasama. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:

KATEGORI	PERBELANJAAN (RM'000)		VARIAN	
	2016	2015	RM	%
Keahlian	42	196	(154)	(78)
Kursus dan Seminar	43	32	11	34
Pengurusan Acara	1,128	1,244	(116)	(9)
Pelbagai Perbelanjaan	170	152	18	12
Pentadbiran	901	1,002	(101)	(10)
JUMLAH	2,284	2,626	(272)	(10)
Program Kerjasama	340	806	(465)	(58)
JUMLAH KESELURUHAN	2,624	3,432	(808)	(23)

Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan penurunan sebanyak 78% kepada RM42 ribu berbanding dengan RM196 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan penurunan peruntukan hutang lapuk tahun semasa.

Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2016 meningkat sebanyak 34% kepada RM43 ribu daripada RM32 ribu pada 2015 disebabkan terdapat perbezaan dalam bilangan penyertaan dan jenis latihan yang dijalankan. Pada tahun 2016, sebanyak 4 program KAPF, 1 program KIPF dan 20 Program Taklimat Mingguan Francais berbanding pada tahun 2015, 3 program KAPF dan 14 Program Taklimat Mingguan Francais telah dilaksanakan.

Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara juga menunjukkan pengurangan sebanyak 9% kepada RM1.128 juta daripada RM1.244 juta. Pengurangan ini adalah langkah penjimatan yang dilaksanakan kos selari dengan penurunan pendapatan bagi acara walaupun jumlah acara yang dilaksanakan adalah sama berbanding tahun 2015.

Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan tahun semasa sebanyak 12% kepada RM170 ribu daripada RM152 ribu pada 2015. Perbelanjaan pada 2016 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Melbourne, Australia dan Jakarta, Indonesia, kos program promosi dengan menyertai 4 program jerayawara dan 5 jemputan ceramah, 1 pakej perkhidmatan media dan 3 program CSR. Perbelanjaan pada 2015 merangkumi perbelanjaan menghadiri Mesyuarat APFC & WFC di Australia dan Turkey, kos editorial, kos barang promosi dan kos penyertaan jerayawara dan ceramah.

Pentadbiran

Belanja bagi pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama, pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan, Sumber Manusia serta belanja operasi. Belanja pentadbiran berkurang sebanyak 10% kepada RM901 ribu berbanding RM1.002 juta pada tahun 2015. Belanja bagi hal ehwal Jawatankuasa Utama terdiri daripada belanja pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa, cenderahati dan tuntutan belanja perjalanan menghadiri aktiviti. Belanja pelaksanaan Mesyuarat Agung mencatatkan penurunan sebanyak 39% pada 2016 berbanding pada 2015 disebabkan perbezaan jumlah kehadiran.

Kos sumber manusia berkurangan sebanyak 8%, disebabkan pengurangan bilangan kakitangan MFA. Selain itu, manfaat kepada sekretariat juga berkurangan selari dengan pengurangan jumlah kakitangan dari segi jumlah pemberian insentif untuk meningkatkan prestasi kerja, perlindungan insuran dan kesihatan serta sumbangan ke atas KWSP dan SOCSO.

